

## **MODUL PERNIAGAAN BAB 2 TINGKATAN 4**

### **“TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN”**

#### **2.1 PERANAN KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU-ISU TEMPATAN, NEGARA DAN SERANTAU**

##### **SOALAN OBJEKTIF**

1. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan Bank Negara Malaysia?
  - I. Memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara
  - II. Mengawal selia infrastruktur sistem pembayaran negara
  - III. Memberikan pinjaman kepada orang ramai
  - IV. Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada perniagaan
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
  
2. Antara yang berikut, akta manakah yang berkaitan dengan perlindungan pengguna agar pengguna tidak ditindas oleh peniaga?
  - I. Akta Perkongsian 1961
  - II. Akta Perihal Dagangan 1972
  - III. Akta Kawalan Harga 1946
  - IV. Akta Perhubungan Industri 1967
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
  
3. Mengapakah kerajaan pusat melaksanakan dasar fiskal dan dasar ekonomi?
  - A. Untuk memastikan eksport mengatasi import
  - B. Untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi
  - C. Untuk mengurangkan aliran masuk mata wang asing
  - D. Untuk meningkatkan pendapatan penduduk

Agensi X berperanan untuk menjalan kajian bagi memastikan tiada penyelewengan dari aspek kualiti.

4. Maklumat di atas ini berkaitan dengan peranan suatu agensi kerajaan. Apakah agensi kerajaan X ?

- A. TNG RESEARCH
- B. MARDI
- C. SIRIM
- D. MPOB

5. Apakah yang dimaksudkan dengan guna tenaga penuh ?

- A. Kadar pengangguran kurang daripada empat peratus (4%)
- B. Negara akan menghadapi kemelesetan ekonomi
- C. Semua penduduk mempunyai pekerjaan
- D. Tidak berlaku pengangguran geseran

6. Manakah yang berikut adalah peranan kerajaan pada peringkat serantau untuk menggalakkan perniagaan?

- A. Mengurangkan kadar faedah
- B. Menyediakan elaun eksport
- C. Meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan barang
- D. Membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat

7. Antara yang berikut, agensi yang manakah terlibat dalam membantu peniaga dalam kegiatan promosi?

- I. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- II. Perbadanan Produktiviti Negara (MPC)
- III. Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE)
- IV. Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia (PKKM)

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

8. Inflasi ialah fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan. Apakah kesan inflasi kepada ekonomi?

- A. Kuasa beli individu menurun
- B. Kadar pengangguran bertambah
- C. Penurunan pendapatan benar individu
- D. Pertambahan stok-stok barang yang tidak terjual

9. Antara berikut, manakah yang BUKAN langkah kerajaan dalam menangani inflasi?

- A. Meningkatkan kadar faedah
- B. Memberikan subsidi kepada pengeluar
- C. Menggalakkan orang ramai berbelanja lebih
- D. Mengawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan

10. Apakah yang anda faham tentang deflasi?

- A. Satu keadaan apabila kadar pengangguran berada pada tahap yang tinggi
- B. Satu keadaan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan
- C. Satu keadaan kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara langsung
- D. Satu keadaan apabila harga barang dan perkhidmatan naik secara mendadak

11. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan cara mengatasi pengangguran.

Situasi 1	Kerajaan memberi insentif kepada pihak perniagaan
Situasi 2	Kerajaan membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan


Apakah jenis pengangguran yang boleh diatasi dengan menggunakan langkah tersebut?

	Situasi 1	Situasi 2
A	Pengangguran bermusim	Pengangguran struktur
B	Pengangguran teknologi	Pengangguran kitaran
C	Pengangguran kitaran	Pengangguran bermusim


D	Pengangguran bermusim	Pengangguran teknologi
---	-----------------------	------------------------

### **SOALAN PETA MINDA**


1. Nyatakan tiga peranan Bank Negara Malaysia (BNM).



2. Nyatakan jenis-jenis pelepasan cukai di bawah.



3. Lengkapkan peta buih di bawah bagi menyenaraikan jenis-jenis pengangguran.



**SKEMA JAWAPAN OBJEKTIF :**

1. A	2. B	3. B	4. C 5. A	6. B 7. D 8. A 9. C	10. B
11. A	12.	13.	14. 15.	16. 17. 18. 19.	20.

**SKEMA JAWAPAN SUBJEKTIF**

1. Peranan Bank Negara Malaysia :
  - a) Memantau dan mengawal keadaan ekonomi Negara
  - b) Meningkatkan kestabilan kewangan
  - c) Mengawal selia infrastruktur sistem pembayaran negara
2. Pelepasan cukai :
  - a) Taraf perintis
  - b) Elaun pelaburan cukai
  - c) Potongan cukai
  - d) Pengecualian cukai
  - e) Elaun pelaburan semula
3. Jenis pengangguran :
  - a) Pengangguran kitaran
  - b) Pengangguran bermusim
  - c) Pengangguran struktur
  - d) Pengangguran teknologi


## Trend

1. Trend merupakan perubahan yang berlaku mengikut tahap perkembangan atau peredaran zaman sesuatu bidang yang diceburi.

2. Trend dipengaruhi oleh dua faktor iaitu:

- i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ ii.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3. Jenis trend perniagaan yang berlaku akibat dua faktor tersebut ialah:



4. Pasaran merupakan suatu keadaan berlakunya urusan niaga antara penjual dengan pembeli, pada suatu tingkat harga dan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pada masa ini, pasaran boleh wujud secara dalam talian seperti e-dagang.

5. Terdapat beberapa jenis pasaran seperti yang berikut.

Jenis Pasaran	Huraian
i)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li><li>• Sabun pencuci</li></ul>
ii) Pasaran produk	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li><li>•</li></ul>

iii)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berkaitan dengan jual beli sahan dan sekuriti, pertukaran wang asing, pinjaman dan pelaburan</li></ul>
------	--

6. Trend guna tenaga ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_


7. Trend pendapatan adalah untuk memenuhi peningkatan permintaan barang dalam pasaran, perniagaan akan meningkatkan pengeluaran barang. Perniagaan akan memperoleh peningkatan pendapatan melalui peningkatan hasil jualan.

8. Selain hasil jualan produk, perniagaan juga boleh mendapat sumber pendapatan daripada aktiviti sampingan yang lain seperti yang berikut:

- i. .... ii.
- ..... iii.
- .....

9. Trend pertumbuhan ekonomi menyebabkan perniagaan berkembang dengan pesat. Keuntungan dalam perniagaan yang meningkat akan menyebabkan perniagaan membayar cukai keuntungan yang tinggi kepada kerajaan begitu juga sebaliknya.\

10. Kitaran ekonomi boleh digambarkan seperti rajah di bawah:



Rajah 2.17 Graf kitaran ekonomi


11. Terangkan Fasa I dan Fasa II

Fasa I : Fasa II :	
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk tidak mempunyai wang</li> <li>● Pendapatan kerajaan .....</li> <li style="padding-left: 20px;">kerana .....</li> <li>● Kadar pengangguran .....</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● perniagaan akan menambah pengeluaran .....</li> <li>.....</li> <li>● Perniagaan perlukan .....</li> <li style="padding-left: 20px;">yang ramai.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Perniagaan mengorak langkah ke tahap antarabangsa iaitu .....</li> <li>.....</li> </ul>
--	--


12. Undang-undang merupakan suatu peraturan yang termaktub dan ditentukan oleh sesebuah masyarakat untuk mengawal kelakuan dan tingkah laku anggota sendiri.

13. Faktor yang menjadi garis panduan perundangan bagi aktiviti perniagaan adalah seperti berikut:



**SOALAN OBJEKTIF**

1. Rajah di bawah merujuk kepada kitaran ekonomi.



Apakah yang berlaku pada X?

- I. Pendapatan kerajaan merosot
  - II. Kadar pengangguran meningkat
  - III. Pekerja dibayar upah yang tinggi
  - IV. Pendapatan penduduk meningkat
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

2. Trend persekitaran perniagaan bermaksud suatu arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan. Pernyataan yang manakah adalah benar.

Trend	Pernyataan

Trend menurun	Operasi perniagaan tidak stabil
Trend meningkat	Operasi perniagaan semakin merosot
Trend menurun	Operasi perniagaan dalam keadaan malar
Trend mendatar	Operasi perniagaan tiada perubahan ketara

- A.
- B.
- C.
- D.

3. Pilih jenis pasaran yang benar.

Jenis Pasaran	Contoh Produk
Pasaran untuk semua	Sabun pencuci
Pasaran produk	Pelaburan
Pasaran kewangan	Perumahan
Pasaran untuk semua	Makanan

- A.
- B.
- C.
- D.

4. Apakah kesan terhadap aspek pekerjaan akibat daripada pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan perniagaan?

- A. Meningkatkan peluang pekerjaan
- B. Menekankan kadar upah minimum
- C. Memastikan tempat kerja yang selesa
- D. Menekankan diskriminasi antara pekerja

5. Trend menurun dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti perniagaan semakin menurun. Faktor luaran manakah yang membawa kepada keadaan demikian? A. Pekerja kurang bermotivasi

- B. Keadaan ekonomi semakin lembab
- C. Strategi pemasaran yang kurang berkesan
- D. Kos pengeluaran semakin meningkat

6. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A. Guna tenaga semakin menurun

- B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
- C. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat
- D. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar

7. Akta manakah yang melindungi kepentingan peniaga dan pengguna?
- A. Akta Syarikat 1965
  - B. Akta Perkongsian 1961
  - C. Akta Jualan Barangan 1957
  - D. Akta Perhubungan Industri 1967
8. Apakah kelebihan penggunaan sumber dalaman dalam proses pengambilan pekerja?
- A. Pekerja dapat membawa idea baharu
  - B. Pekerja sedia ada lebih bermotivasi
  - C. Pekerja membawa kemahiran baharu
  - D. Tidak akan wujud kekosongan jawatan lain
9. Berhubung dengan persekitaran perniagaan, pernyataan manakah yang betul tentang faktor dalaman yang mempengaruhi perniagaan?
- I. Kerajaan meluluskan undang-undang baharu perniagaan
  - II. Organisasi menggaji pakar dalam menguruskan perniagaan
  - III. Perniagaan dapat menghasilkan produk baharu melalui penyelidikan
  - IV. Permintaan untuk produk meningkat kerana ekonomi semakin rancak
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV
10. Gambar di bawah ini berkaitan dengan trend persekitaran

perniagaan.





Faktor luaran manakah yang membawa kepada keadaan sedemikian?

- A. Pekerja kurang bermotivasi
- B. Strategi pemasaran tidak berkesan
- C. Keadaan ekonomi semakin lembap
- D. Kos pengeluaran semakin meningkat

11. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat naik?

- A. Cukai yang dikutip oleh kerajaan menurun
- B. Peniaga kurangkan pembelian bahan mentah
- C. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
- D. Kadar pengangguran pekerja semakin menurun

12. Gambar di bawah ini menunjukkan kitaran ekonomi.

Anda merupakan seorang pengurus yang mementingkan kebajikan pekerja dan bertanggungjawab terhadap pemodal syarikat. Apakah tindakan anda semasa kitaran ekonomi berada pada Fasa II?

- A. Menambahkan bilangan tenaga pekerja
- B. membenarkan pekerja bekerja lebih masa
- C. Membayar gaji dan elaun yang lebih tinggi
- D. Melaksanakan latihan kemahiran kepada pekerja

13. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Altec Sdn. Bhd.



Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan prestasi perniagaan.

- A. Trend mendatar – Faktor luaran
- B. Trend menurun – Faktor Dalaman
- C. Trend mendatar – Faktor luaran
- D. Trend menaik – Faktor Dalaman

14. Kerajaan meluluskan undang-undang untuk melindungi kepentingan kedua-dua pihak pembeli dan penjual. Antara yang berikut, akta manakah yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- I. Akta Perhubungan Industri 1967
  - II. Akta Jualan Barangan 1957
  - III. Akta Hak Cipta 1987
  - IV. Akta Kontrak 1950
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

15. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Kamal.



Apakah akta yang dapat melindungi hak Encik Kamal dan pihak bank sehingga tamat bayaran ansuran tersebut?

- A. Akta Sewa Beli 1967
- B. Akta Jualan Barang 1957
- C. Akta Perihal Dagangan 1972
- D. Akta Perhubungan Industri 1957

### **SOALAN STRUKTUR**

1. a) Terangkan dua trend persekitaran perniagaan.

b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan.

2. Soalan yang berikut adalah berdasarkan rajah di bawah.


b) Jelaskan trend meningkat dan trend mendatar.

c) Terangkan faktor dalaman dan faktor luaran

bagi X. 3. Rajah di bawah menunjukkan dua


faktor persekitaran perniagaan.

4 markah 6 markah



a) Apakah yang dimaksudkan oleh X.

2 markah 2 markah 6 markah



a) Apakah yang dimaksudkan oleh **Faktor X**? b) Nyatakan tiga faktor yang tergolong di dalam **Faktor Y**.

4 markah 3 markah 8 markah

c) Bagaimanakah sosiobudaya boleh

mempengaruhi sesebuah perniagaan? 4. a) **JAWAPAN NOTA**



Soalan  
yang  
berikut

## 2.2 TREND PERSEKITARAN PERNIAGAAN

berdasarkan rajah di bawah.

- Akta Kontrak 1950
- Akta Persaingan 2010
- Akta Hak Cipta 1987

9 markah 6 markah

Apakah kesan kepada perniagaan atas

<p>2.</p> <p>3.</p>	<p>i. Faktor dalaman – faktor yang boleh dikawal. Contohnya, sistem pengurusan, sumber manusia, pengeluaran dan sebagainya.</p> <p>ii. Faktor luaran – faktor yang tidak boleh dikawal atau sukar dikawal. Contohnya, ekonomi, politik, perundangan dan sebagainya.</p> <p>a) Trend meningkat b) Trend menurun c) Trend mendatar</p>
<p>5.</p>	<p style="text-align: center;"><b>Jenis Pasaran Huraian</b></p> <p>i) pasaran semua (mass market)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk yang dikeluarkan adalah untuk ditawarkan kepada semua pengguna</li> <li>• Sabun pencuci</li> </ul> <p>ii) Pasaran produk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkaitan dengan permintaan dan penawaran semua jenis produk</li> <li>• Contoh makanan, pelancongan dan perumahan</li> </ul> <p>iii) pasaran kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkaitan dengan jual beli sahan dan sekuriti, pertukaran wang asing, pinjaman dan pelaburan</li> </ul>

<p>6.</p>	<p>pekerja yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam sesuatu pekerjaan. Jika guna tenaga yang sedia ada tidak digunakan, hal ini akan mewujudkan masalah pengangguran.</p>
<p>8.</p>	<p>i. Penyewaan bangunan ii. Dividen daripada pelaburan saham iii. Faedah daripada simpanan wang di bank</p>
<p>10.</p>	<p>X – melambung Y – kemelesetan</p>

11.	<p>Fasa I : <b>Kemelesetan</b> Fasa II : <b>Melambung</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk tidak mempunyai wang</li> <li>● Pendapatan kerajaan <b>merosot</b> kerana <b>ekoran jatuhnya pendapatan perniagaan dan pekerja.</b></li> <li>● Kadar pengangguran <b>meningkat</b></li> <li>● perniagaan akan menambah pengeluaran <b>produk untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna</b></li> <li>● Perniagaan perlukan <b>pekerja</b> yang ramai.</li> <li>● Perniagaan mengorak langkah ke tahap antarabangsa iaitu <b>aktiviti eksport dan pelaburan</b></li> </ul>
13.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. kesihatan dan keselamatan</li> <li>2. pekerjaan</li> <li>5. perlindungan pengguna</li> <li>6. persaingan</li> <li>7. pengiklanan</li> <li>9. persekitaran</li> </ol>

### JAWAPAN SOALAN OBJEKTIF

1. A
2. D
3. A
4. B
5. B
6. C
7. C
8. B
9. B
10. C
11. D
12. D
13. A
14. C
15. A

### JAWAPAN SOALAN STRUKTUR

1.	a) Trend persekitaran ialah: H1 - Trend meningkat H2 - Ini menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat H3 - Trend menurun H4 - Ini menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun	1 m 1 m 1 m 1 m
	b) Faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan	1 m
	adalah: F1 – Faktor dalaman	1 m
	H1 – merupakan faktor yang boleh dikawal oleh pihak pengurusan	1 m
	H2 – ini termasuk gaya pengurusan, sumber manusia, pengeluaran dan kewangan	1 m
	F2 – Faktor luaran	1 m
	H1 – merupakan faktor yang tidak boleh dikawal oleh pihak pengurusan.	
	H2 – ini termasuk ekonomi, politik, perundangan	
		1 m
	2.	a) X – trend menurun Trend ini menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun.
b) Trend meningkat Trend ini menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat.		1 m
Trend mendatar		1 m





## A. SOALAN OBJEKTIF

1. Pernyataan di bawah berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan



Apakah gaya pengurusan berkenaan?

- A. Gaya pengurusan demokratik
- B. Gaya pengurusan sederhana
- C. Gaya pengurusan autokratik
- D. Gaya pengurusan laissez-faire

2. En. Hakim menggaji Sarah yang baru sahaja tamat pelajaran di salah sebuah Universiti tempatan sebagai seorang kerani kewangan. Apakah kekurangan ber manusia tersebut?



... bawa idea yang baharu  
... ut yang tinggi  
... pengetahuan stereotaip  
... unyai kemahiran yang baharu

... menunjukkan produk yang biasa digunakan dalam  
... asi perniagaan pada masa kini.

4. Apakah perubahan trend yang membawa kepada perubahan di atas?

- A. Alam sekitar
- B. Sosial
- C. Etika
- D. Teknologi

4. Antara yang berikut, manakah faedah yang akan diperolehi oleh organisasi perniagaan kesan penciptaan teknologi baharu?

- I. Mengurangkan kos pengeluaran
- II. Meningkatkan kos penyelenggaraan
- III. Meningkatkan produktiviti
- IV. Menjimatkan masa pengeluaran

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

5. Keputusan kerajaan untuk menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) telah membawa kesan kepada perubahan ekonomi.

Apakah faktor luaran yang memacu kepada keputusan kerajaan tersebut?

- A. Politik dan Perundangan
- B. Ekonomi
- C. Sosiobudaya
- D. Teknologi

6. Rajah 2 di bawah berkaitan dengan campuran pemasaran  
Pernyataan manakah yang berkaitan dengan unsur yang bertanda X ?

- A. Pembungkusan penting untuk menjamin produk tahan lama
- B. Kos pengeluaran yang tinggi akan merugikan peniaga
- C. Promosi jualan dapat meningkatkan jualan dalam jangka pendek
- D. Barang perlu diedarkan secara meluas untuk meningkatkan jualan

7. Manakah antara yang berikut merupakan faktor dalaman yang membawa kepada perubahan dalam perniagaan?

- I. Pemasaran
- II. Sumber manusia
- III. Ekologi
- IV. Politik

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV


8. Pernyataan manakah yang menjelaskan kelebihan sumber manusia dalaman?

- I. Maklumat pekerja sedia ada
- II. Semangat

- III. Melahirkan idea baharu
- IV. Pekerja lebih memahami budaya organisasi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

9. Rajah 3 di bawah berkaitan dengan analisis SWOT.



Pernyataan manakah yang sesuai mewakili X?

- A. Perkembangan ekonomi meningkatkan permintaan untuk produk syarikat
- B. Undang - undang baharu diluluskan oleh kerajaan untuk melindungi kebajikan pekerja.
- C. Jenama produk syarikat sudah dikenali di seluruh dunia kerana berkualiti
- D. Pihak pesaing syarikat berjaya memperkenalkan ciri baharu dalam produk

10. Mengapakah sosial dan budaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi organisasi dalam menjalankan perniagaan?

- A. Menawarkan produk mengikut cita rasa pengeluar
- B. Menawarkan produk yang dapat memenuhi kehendak masyarakat setempat
- C. Mengeluarkan produk secara massa tanpa mengira cita rasa setempat
- D. Mengeluarkan produk yang berkualiti tinggi.

B. Soalan struktur / Isi tempat kosong

1. Senaraikan lima (5) faktor dalaman yang mempengaruhi sesebuah perniagaan dalam mencapai matlamat organisasi.

- a) \_\_\_\_\_
- b) \_\_\_\_\_
- c) \_\_\_\_\_

- d) \_\_\_\_\_
- e) \_\_\_\_\_

2. Senaraikan lima (5) faktor luaran yang memberi kesan sebagai ancaman dan peluang kepada organisasi dalam mencapai matlamat.

- a) \_\_\_\_\_
- b) \_\_\_\_\_
- c) \_\_\_\_\_
- d) \_\_\_\_\_
- e) \_\_\_\_\_

3. Lengkapkan jadual di bawah ini dengan kelebihan dan kekurangan sumber manusia dalaman.

Kelebihan	Kekurangan

4. Lengkapkan jadual di bawah ini dengan kelebihan dan kekurangan sumber manusia luaran.

Kelebihan	Kekurangan

5. Lengkapi rajah di bawah mengenai campuran pemasaran

6. Jelaskan tujuan analisis SWOT

---

---

### C. Soalan Esei

3. Terangkan dua (2) faktor dalaman yang memberi kesan kepada sesebuah perniagaan (4 markah)

4. Sumber manusia sangat penting bagi sesebuah organisasi. Terangkan keburukan sumber manusia luaran kepada sesebuah organisasi (4 markah)

5. Gaya pengurusan yang diamalkan dalam sesebuah organisasi akan memberi kesan sama ada baik atau buruk.

i. Jelaskan kebaikan mengamalkan gaya pengurusan demokratik (3 markah)

ii. Jelaskan keburukan gaya pengurusan autokratik (3 markah)

6. Terangkan tiga (3) elemen yang terdapat dalam campuran pemasaran (6 markah)

7. Politik dan ekonomi negara yang stabil boleh mempengaruhi prestasi sesebuah perniagaan.

Jelaskan bagaimana faktor luaran di atas memberi kesan ke atas prestasi sesebuah perniagaan (4 markah)

8. Jelaskan maksud analisis SWOT (2 markah)

## 2.4 KESAN PERUBAHAN PERSEKITARAN TERHADAP ORGANISASI PERNIAGAAN

### A. SOALAN OBJEKTIF

1. Manakah antara berikut bukan kesan perubahan dari aspek trend kepada organisasi perniagaan.

- A. Guna tenaga
- B. Pendapatan

- C. Pertumbuhan ekonomi
- D. Mewujudkan sistem perniagaan secara adil

2. Manakah kesan trend penurunan dalam guna tenaga.

- A. Kadar pengangguran meningkat
- B. Pendapatan boleh guna meningkat
- C. Merencanakan pertumbuhan ekonomi
- D. Perubahan gaya hidup pengguna

3. Antara berikut, yang manakah kesan perubahan dari aspek undang-undang.

- I. Mengelakkan lambakkan barang di pasaran
- II. Mewujudkan sistem perniagaan secara adil
- III. Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan
- IV. Melindungi perniagaan dari sebarang penipuan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

4. Akta yang manakah dapat melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan.

- A. Akta Kontrak 1950
- B. Akta Syarikat 1965
- C. Akta Hak Cipta 1987
- D. Akta Persaingan 2010

5. Berdasarkan kenyataan di bawah Akta X ialah.



A. Akta Kontrak 1950 B.

- Akta Syarikat 1965
- C. Akta Hak Cipta 1987
- D. Akta Persaingan 2010

6. Akta Kontrak 1950 diwujudkan bertujuan untuk.

- A. Memastikan perniagaan perniagaan bersaing secara sihat
- B. Memastikan perniagaan perniagaan mematuhi elemen-elemen kontrak yang telah dipersetujui.
- C. Mengelakkan berlakunya unsur-unsur penipuan berkaitan hak cipta D.
- Memastikan perniagaan perniagaan memperoleh keuntungan yang adil

7. Apakah kesan kepada perniagaan apabila pekerja mengalami peningkatan dalam pendapatan.

- A. Perniagaan akan terus mengalami kerugian
- B. Syarikat-syarikat perniagaan akan kurang berdaya saing
- C. Pertumbuhan ekonomi akan meningkat
- D. Pendapatan negara boleh distabilkan

8. Berikut adalah kenyataan kenapa aspek undang-undang penting kepada sektor perniagaan **kecuali**.

- A. Melindungi perniagaan dari sebarang penipuan
- B. Untuk mewujudkan sistem perniagaan secara adil
- C. Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan.
- D. Memastikan rakyat Malaysia dapat berdaya saing

9. Pilih salah satu kesan perubahan persekitaran ke atas perniagaan yang diakibatkan oleh dasar fiskal dan dasar kewangan negara.

- A. Pertumbuhan ekonomi
- B. Guna tenaga
- C. Pendapatan
- D. Trend cita rasa pengguna

10. Pilih kesan yang berlaku akibat daripada kewujudan faktor persekitaran luaran yang menyebabkan trend menurun.

- A. Kuasa beli meningkat
- B. Nilai wang meningkat
- C. Kos pengeluaran menurun
- D. Kesukaran melaksanakan polisi atau dasar yang berkaitan dengan ekonomi

## SOALAN STRUKTUR

1. Nyatakan akta-akta dalam perniagaan

- a. ....
- b. ....
- c. ....
- d. ....

2. Berikan tiga kesan perubahan kepada perniagaan dari aspek undang-undang.

- a. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ b.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ c.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3. Senaraikan kesan perubahan dari aspek trend kepada perniagaan

- a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_

4. Berikan **dua** contoh kesan perubahan dalam ekonomi dan teknologi kepada perniagaan.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### **SOALAN ESEI**

1. Jelaskan bagaimana Dasar Fiskal dan Dasar Kewangan mengawal ekonomi negara.
  2. Jelaskan perubahan persekitaran terhadap pasaran dalam mempengaruhi permintaan barang di pasaran
  3. Terangkan kesan perubahan dari aspek trend kepada perniagaan. 4.
- Bagaimanakah undang-undang yang telah digubal oleh kerajaan mampu memberi perlindungan kepada perniagaan.

### **PETA MINDA**



## SKEMA JAWAPAN

### 2.3 ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA PERUBAHAN KEPADA PERSEKITARAN PERNIAGAAN

#### A. Soalan objektif

	5. A
1. C	
2. B	6. D 7. A 8. B
3. D	9. A <u>10. B</u>
4. C	

#### B. Soalan struktur / isi tempat kosong

1. Lima (5) faktor dalaman yang mempengaruhi sesebuah perniagaan dalam mencapai matlamat organisasi.

- Gaya pengurusan
- Sumber manusia
- Pemasaran
- Pengeluaran
- Kewangan
- Teknologi maklumat
- Penyelidikan & pembangunan

2. lima (5) faktor luaran yang memberi kesan sebagai ancaman dan peluang kepada organisasi dalam mencapai matlamat.

- Politik
- Ekonomi
- Sosiobudaya
- Teknologi
- Ekologi
- Undang - undang

3. Kelebihan dan kekurangan sumber manusia dalaman

Kelebihan Kekurangan	
- memotivasikan pekerja	- tidak membawa idea baharu
- pekerja lebih memahami budaya organisasi	- kekosongan jawatan
- maklumat pekerja sedia ada	- pengetahuan stereotaip

4. Kelebihan dan kekurangan sumber manusia luaran.

Kelebihan Kekurangan	
- melahirkan idea baharu	- memerlukan program induksi
- kemahiran baharu	- mengambil masa untuk memahami budaya organisasi
- semangat	- kos merekrut yang tinggi

5. Campuran pemasaran

- a) Produk
- b) Harga
- c) Promosi
- d) Agihan

6. Tujuan analisis SWOT

- untuk menilai kesan perubahan persekitaran dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi aktiviti organisasi perniagaan.

### C. SOALAN ESEI

1. Dua (2) faktor dalaman yang memberi kesan kepada sesebuah perniagaan

Gaya pengurusan (F1)

- teknik mengurus sesebuah perniagaan (H1a)
- memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang kondusif dan produktif (H1b)

Sumber manusia (F2)

- memberi fokus kepada keperluan tenaga kerja sedia ada (H2a)
- terbahagi kepada dua iaitu dalaman dan luaran (H2b)

\*\* terima mana-mana jawapan yang sesuai selain yang di atas.

**2. keburukan sumber manusia luaran kepada sesebuah organisasi**

Memerlukan program induksi (F1)

- untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tempat kerja (H1)

Kos merekrut yang tinggi (F2)

- perlu membelanjakan kos yang tinggi untuk pengambilan pekerja baharu (H2)

**3. Gaya pengurusan yang diamalkan dalam sesebuah organisasi akan memberi kesan sama ada baik atau buruk.**

**i. kebaikan mengamalkan gaya pengurusan demokratik**

- majikan lebih mengamalkan toleransi
- hubungan yang baik dengan pekerja
- mempengaruhi pekerja terus berusaha mencapai matlamat

**ii. Jelaskan keburukan gaya pengurusan autokratik**

- menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pekerja
- pekerja tidak bebas mengeluarkan pendapat
- motivasi pekerja yang rendah

**4. tiga (3) elemen yang terdapat dalam campuran pemasaran (6 markah)**

**Produk (F1)**

- merujuk kepada bentuk , pembungkusan, kualiti, jenama dan jaminan produk

**Harga**

- merujuk kepada harga yang ditetapkan setelah mengambil kira kos seunit pengeluaran

**Pengedaran**

- merujuk kpd saluran agihan, kawasan agihan dan kadar inventori

**Promosi**

- merujuk kepada kaedah pengiklanan, aktiviti promosi, program publisiti

**5. Faktor luaran di atas memberi kesan ke atas prestasi sesebuah perniagaan**

**Politik**

- undang - undang yang diluluskan oleh kerajaan akan memberi kesan positif / negatif
- dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan

**Ekonomi**

- ekonomi stabil kuasa beli pengguna akan meningkat
- keadaan ekonomi yang baik, maka prestasi perniagaan juga akan baik

6. maksud analisis SWOT

- satu kaedah menganalisis yang digunakan dalam perancangan dan persediaan dalam perniagaan
- yang mengkaji kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap sesebuah organisasi.

**2.4 KESAN PERUBAHAN PERSEKITARAN TERHADAP ORGANISASI PERNIAGAAN**

**JAWAPAN**

**A. SOALAN OBJEKTIF**

1	D	2	A	3 D 4 A 5 D
6	B	7	C	8 D 9 A 10 D

**B. SOALAN STRUKTUR**

**Soalan Struktur**

1. Nyatakan akta-akta dalam perniagaan

- a. Akta Kontrak 1950
- b. Akta Persaingan 2010
- c. Akta Hak Cipta 1987
- d. Akta Jualan Barangan 1957
- e. Akta Sewa Beli 1967
- f. dll

2. Berikan tiga kesan perubahan kepada perniagaan dari aspek undang-undang.

- a. Melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan
- b. Mewujudkan sistem perniagaan secara adil
- c. Melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan

3. Senaraikan kesan perubahan dari aspek trend kepada perniagaan
  - a. Perubahan terhadap guna tenaga buruh
  - b. Perubahan jumlah pendapatan
  - c. Perubahan pertumbuhan ekonomi
  
4. Berikan **dua** contoh kesan perubahan dalam ekonomi dan teknologi kepada perniagaan.
  - Peningkatan guna tenaga buruh
  - Peningkatan pendapatan pekerja
  - Pertumbuhan ekonomi negara meningkat

### C. SOALAN ESEI

1. Jelaskan bagaimana Dasar Fiskal dan Dasar Kewangan mengawal ekonomi negara.
  - Dasar fiskal adalah perbelanjaan kerajaan untuk menambah pendapatan negara. - Kerajaan akan menambahkan perbelanjaan untuk menggalakkan permintaan dalam pasaran.
  - Dasar kewangan berkaitan dengan pembekalan wang dalam pasaran - Dasar kewangan biasanya dilaksanakan melalui kawalan kadar faedah dan kawalan jumlah rizab bank
  
2. kesan perubahan dari aspek trend kepada perniagaan.
  - Penurunan kepada guna tenaga menyebabkan peningkatan kadar pengangguran.
  - Peningkatan pengangguran menyebabkan pendapatan pekerja menurun - Perkembangan perniagaan jadi merosot
  - Pertumbuhan ekonomi bermakna perniagaan bertambah maju
  
3. Bagaimanakah perubahan persekitaran terhadap pasaran dalam mempengaruhi permintaan barang di pasaran.
  - Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna
  - Perubahan teknologi mempengaruhi permintaan barang.
  - Contoh permintaan terhadap CD (cakera padat) menurun akibat peningkatan penggunaan internet. Muzik boleh terus di download melalui internet tanpa

menggunakan CD.

- Peningkatan terhadap barang import menyebabkan pasaran barang tempatan merosot.

4. Terangkan undang-undang yang telah digubal oleh kerajaan mampu memberi perlindungan kepada perniagaan.

- Kerajaan menggubal Akta Hak Cipta 1987
- Memberi perlindungan terhadap karya-karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.
- Untuk mengelakkan berlakunya unsur peniruan dan mengambil hak cipta perniagaan daripada perniagaan lain.
- Perlanggaran hak cipta membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap pelaku yang mengambil hak cipta tanpa kebenaran pemiliknya.

## 2.5 MENILAI KESAN PERUBAHAN PERSEKITARAN TERHADAP ORGANISASI PERNIAGAAN

NAMA MURID : ..... KELAS  
: .....

### AKTIVITI

Tarikh	
Hari	
Kelas	
Tajuk	Bab 2 Trend Semasa Dalam Perniagaan
Standard Kandungan	1.2 Trend Semasa Dalam Perniagaan
Standard Pembelajaran	1.2.5 Menilai kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan

Tahap penguasaan 5.

Standard Prestasi  
Menghubungkan persekitaran perniagaan dengan peranan kerajaan untuk menangani isu semasa perniagaan.

Tahap penguasaan 6.

Menilai tindak balas organisasi perniagaan terhadap perubahan persekitaran.

Kaedah pentaksiran Menjawab latihan pengukuhan yang disediakan Instrumen

pentaksiran Hasil jawapan yang disediakan oleh murid

### **SUMBER RUJUKAN**

Rujuk buku teks Perniagaan Tingkatan 4 tajuk 2.4 Kesan Perubahan Persekitaran Terhadap Organisasi Perniagaan muka surat 110 - 113

### **AKTIVITI PEMBELAJARAN**

1. Murid-murid perlu membuat rujukan dengan membaca tajuk Bab 2.4 Kesan Perubahan Persekitaran Terhadap Organisasi Perniagaan dalam buku teks Perniagaan Tingkatan 4 ( rujuk muka surat 110 – 113 )
2. Murid boleh merujuk kepada guru jika terdapat penerangan nota yang kurang difahami.
3. Murid perlu menjawab soalan latihan / aktiviti yang di sediakan oleh guru bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam tajuk ini.
4. Murid hendaklah memberikan jawapan yang tepat berdasarkan sumber rujukan yang dibaca.
5. Guru perlu memastikan murid menjawab semua soalan yang diberi dan membimbing murid dalam aktiviti ini.

#### **Aktiviti 1**

( Latihan Pengukuhan )

#### **ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.**

Kesan Perubahan	Huraian	
Aspek Pasaran	1(a)	Cita rasa, fesyen dan _____ menyebabkan barang lama hilang _____ di pasaran
	1(b)	Kemasukan barang import yang lebih _____ bersaing dengan produk tempatan.

Aspek Trend	1(c)	Pembangunan _____ yang membolehkan barang lama hilang permintaan.
	2(a)	Guna tenaga, iaitu penurunan dalam guna tenaga akan menyebabkan kadar _____ yang meningkat seterusnya menyebabkan pengurangan kutipan cukai _____ oleh kerajaan.
	2(b)	Pendapatan, jumlah pendapatan boleh guna yang bertambah akan meningkatkan _____ terhadap barang dan perkhidmatan dan hal ini akan merancakkan ekonomi.
	2(c)	Pertumbuhan ekonomi, trend pertumbuhan yang semakin _____ akan memberi kesan positif terhadap perniagaan. Contohnya peningkatan dalam _____ dan _____ permintaan akan meningkatkan _____ dan keuntungan perniagaan.

Aspek Undang-undang	3(a)	Melindungi perniagaan daripada sebarang _____. Contohnya, Akta kontrak 1950 dan Akta Jualan Barangan 1957 melindungi peniaga daripada _____ dalam urusan niaga sehingga boleh merugikan jika peruntukan dalam sesuatu perjanjian dilanggar oleh satu pihak yang lain.
	3(b)	Mewujudkan sistem perniagaan secara _____. Contohnya, Akta Persaingan 2010 bertujuan untuk mewujudkan keadaan bagi perniagaan bersaing secara adil dalam pasaran dan syarikat dilarang menyalahgunakan kedudukan dominan di _____ untuk mendapat kelebihan persaingan yang menindas syarikat yang lemah.

3(c) Melindungi \_\_\_\_\_ semua pihak dalam perniagaan. Contohnya, Akta Hak Cipta 1987 digubal oleh kerajaan bertujuan memberi perlindungan terhadap pemilik karya-karya berkaitan sastera. \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ terhadap pelanggaran hak oleh pihak lain yang akan merugikan pemilik hak berkenaan.

4	Antara berikut, yang manakah kesan trend penurunan dalam guna tenaga ?	
	I	Permintaan untuk barang meningkat
	II	Pendapatan kerajaan akan menurun
	III	Kadar pengangguran akan meningkat
	IV	Aktiviti perniagaan akan meningkat
	A	I dan II
	B	I dan IV
	C	II dan III
	D	III dan IV

5	Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan dari aspek pasaran?	
	I	Pembangunan dalam teknologi
	II	Kadar pengangguran berkurang
	III	Memperkuh pertumbuhan ekonomi
	IV	Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna

	A	I dan II
	B	I dan IV
	C	II dan III
	D	III dan IV

6	Maklumat berikut merupakan satu situasi dalam perniagaan.	
		
	Apakah akta yang berkaitan dalam mengatasi situasi di atas?	
	A	Akta Kontrak 1950



9	Maklumat berikut berkaitan dengan Akta Kontrak 1950.	
		
	Apakah yang dimaksudkan dengan konsep balasan di atas?	
	A	Faedah diperolehi semua pihak
	B	Faedah diperolehi oleh kerajaan
	C	Perlindungan kepada pembuat kontrak
	D	Perlindungan kepada pembuat dan penerima kontrak

10	Antara yang berikut, pernyataan manakah <b>benar</b> tentang kesan penggubalan undang-undang terhadap aspek persekitaran perniagaan di bawah?		
		Undang-undang	Aspek persekitaran perniagaan
	A	Kesihatan dan keselamatan	Perniagaan perlu mengeluarkan makanan yang berkhasiat untuk pengguna
	B	Perlindungan pengguna	Perniagaan perlu mengeluarkan produk yang selamat dan tidak menjejaskan kesihatan
	C	Persaingan	Hanya persaingan harga, pasaran dan antarabangsa sahaja digalakkan dalam sistem ekonomi negara
	D	Persekitaran	Perniagaan perlu memastikan persekitaran perniagaan sentiasa berada dalam keadaan yang bersih

11.(a) Pernyataan di bawah menunjukkan pasaran di Malaysia.



Apakah kesan perubahan persekitaran antara tahun 2000 dengan tahun 2018 terhadap pasaran ?  
( 6 markah )

(b) Jelaskan kesan perubahan dari aspek trend yang berikut : -

( I ) Guna tenaga ( 3 markah )

( II ) Pendapatan ( 3 markah )

( III ) Pertumbuhan ekonomi ( 3 markah )

**PANDUAN RUBRIK PENTAKSIRAN**

STANDARD PRESTASI		
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1	Menyatakan peranan kerajaan dalam perniagaan untuk menangani isu tempatan, negara dan serantau.	
2	Menjelaskan trend persekitaran perniagaan.	
3	Mengaplikasikan peranan kerajaan terhadap trend persekitaran sesebuah perniagaan.	
4	Menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.	
5	Menghubungkait persekitaran perniagaan dengan peranan kerajaan untuk menangani isu semasa perniagaan.	✓
6	Menilai tindak balas organisasi perniagaan terhadap perubahan persekitaran.	✓

Skema Jawapan

1a	gaya hidup, permintaan
1b	murah
1c	teknologi
2a	pengangguran, pendapatan
2b	permintaan
2c	meningkat, jualan
3a	penipuan, penipuan
3b	adil, pasaran
3c	hak, muzik, seni
4	C
5	B
6	B
7	D
8	C

9	A
10	B
11a	<p>Kesan perubahan persekitaran antara tahun 2000 dengan tahun 2018 ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna. (1m)</li> <li>- permintaan pengguna antara tahun 2000 dengan tahun 2018 adalah berbeza kerana berlaku perubahan dalam fesyen dan gaya hidup pengguna (1m).</li> <li>- Contohnya, penggunaan USB untuk menyimpan maklumat pada tahun 2018 telah menggantikan penggunaan cakera padat (1m).</li> </ul> <p>Lambakan barang import (1m).</p>

	<p>-pengimport dari luar negara menjual barang import pada harga yang murah di pasaran tempatan menjejaskan perniagaan tempatan (1m).</p> <p>Pembangunan dalam teknologi (1m).</p> <p>-wujudnya barang baharu seperti telefon pintar, pencetak tanpa wayar dan lain-lain menyebabkan versi lama produk semakin disingkirkan (1m).</p> <p style="text-align: right;">( max 6m )</p>
b(I)	<p>Guna tenaga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan (1m)</li> <li>-kadar pengangguran sesebuah negara pada paras 4 % atau kurang dikatakan mencapai guna tenaga penuh (1m).</li> <li>-apabila guna tenaga semakin meningkat, kadar pengangguran akan menjadi semakin rendah (1m).</li> </ul>
b (II)	<p>Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-jumlah wang yang diterima oleh individu dalam satu jangka masa tertentu (1m).</li> <li>-apabila pendapatan masyarakat meningkat, kuasa beli akan meningkat (1m).</li> <li>-permintaan terhadap barang dan perkhidmatan meningkat (1m).</li> </ul>
b(III)	<p>Pertumbuhan ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-trend pertumbuhan ekonomi negara yang semakin meningkat memberi kesan positif kepada perniagaan (1m).</li> <li>-kerajaan melaksanakan dasar-dasar untuk mengukuhkan ekonomi negara (1m).</li> <li>-pendapatan perniagaan dan negara akan meningkat (1m).</li> </ul>